

27 NOV 1996

PM AKAN MENJADI PEMILIK PERTAMA NetCard

KUALA LUMPUR, 27 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menjadi pelanggan pertama perdagangan elektronik dan pemilik pertama kad pintar NetCard.

Kad pintar itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri di Stesen NetCard semasa pelancaran rasmi Taman Teknologi Malaysia esok, menurut NetCard Corporation dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini.

NetCard adalah terminal capaian internet awam pertama Malaysia dan direka khas dengan pendekatan multimedia intuitif kepada maklumat, hiburan, komunikasi dan urusanniaga berkomputer terus menggunakan konsep kad pintar.

Salah satu daripada kemudahan-kemudahan di Stesen NetCard ialah membeli-belah berkomputer terus di mana membeli dan urusanniaga boleh dibuat melalui internet.

Stesen-stesen NetCard akhirnya akan diadakan untuk orang ramai di tempat-tempat strategik seperti lapanganterbang, hotel, medan membeli-belah, rangkaian makanan segera, pusat-pusat pengangkutan dan kolej.

NetCard Corporation ditubuhkan untuk tujuan semata-mata menggalakkan capaian internet awam dengan menggunakan terminal-terminal internet yang berkuasa bernama Stesen NetCard yang dibubungkan dengan talian kelajuan tinggi kepada Joint Advanced Research Integrated Networking (JARING). --
BERNAMA

MSL OS